

PANDUAN MENGISI BORANG

1. Peringatan

Pemohon mestilah mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan-jawatan di UiTM.

Pastikan maklumat yang benar sahaja diisi. Pemohon yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan akan disenaraihitamkan dan boleh diambil tindakan undang-undang.

Had umur calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak melebihi 50 tahun. Manakala had umur calon yang memohon bagi kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL), adalah tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan.

2. Keterangan Am

Pemohon hanya boleh memohon satu jawatan dan satu borang perjawatan untuk satu masa. Sekiranya calon memohon lebih dari satu jawatan, calon perlu membeli borang yang berasingan. Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan serta melepasi tapisan yang ditetapkan akan dipanggil temuduga. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses. Pemohon boleh mengemaskini maklumat peribadi atau maklumat lain sebelum tarikh tutup iklan jawatan kosong.

3. Arahan mengisi Borang Online

- a. Layari Alamat <https://appsabah.uitm.edu.my/>
- b. Daftar alamat email. Sila pilih akaun personal gmail (calon bukan staf) atau akaun gmail UiTM (alamat email UiTM) bagi calon Staf UiTM
- c. Pilih Borang Jawatan Kosong Mengikut Jawatan yang diiklankan (Pastikan kelayakan anda bersesuaian dengan syarat lantikan dan isi malumat lengkap kelayakan anda iaitu sama ada Ijazah/Sarjana/Phd, Diploma/Sijil, Diploma/STPM/STAM/HSC, SPM/MCE, PMR/SRP, KPSL. Kelayakan ini akan menentukan jawatan-jawatan yang anda layak memohon)
- d. Buat pembayaran di UiTM Pay
- e. Isi borang di dalam talian
- f. Semak Borang
- g. Muat Naik Dokumen
- e. Klik Hantar

Hanya calon yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya .